

15 MEI 2018

Cuti masuk penjara

>>Rakan wanita tawar tiket percuma ke **Phnom Penh**

15-05-2018

setempat **61**

HARIAN METRO

Cuti masuk penjara

■ Pelajar Malaysia didapati bersalah edar dadah dijel di Kemboja

Fazrik Kamarudin
cnews@nsp.com.my

Kuala Lumpur

"Kami berharap anak kami boleh dibawa pulang (ke tanah air). Tempoh 25 tahun di dalam penjara di Kemboja cukup lama," luah ibu bapa seorang pelajar yang menjalani hukuman penjara selama 25 tahun di Kemboja selepas didapati bersalah dalam kes pengedaran dadah, dua tahun lalu.

Pasangan suami isteri, Kathir dan Puspa, masing-masing berusia 48 dan 43 tahun mendakwa anak sulung mereka, Kevin, 21, diperalatkan sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Pasangan berasal dari Klang itu berkata, kejadian bermula apabila Kevin ditawarkan pakej percutan



KATHIR menunjukkan gambar anaknya.

rakan wanita yang sama-sama menuntut di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Petaling Jaya.

Kathir berkata, rakan wanitanya itu mengajak Kevin pergi melancong bersama dua lagi individu iaitu kakak

dan kekasih kakaknya selama tiga hari ke Phnom Penh, Kemboja.

Katanya, tiket penerbangan dan penginapan ditanggung sepenuhnya dan Kevin hanya perlu membawa wang perbelanjaannya

sendiri.

"Namun, tiga individu itu mendakwa menghadapi masalah dengan tiket penerbangan dan akhirnya Kevin berlepas ke Phnom Penh seorang diri pada 9 November 2016.

FAKTA
Kevin diperalatkan dengan tawaran melancong

"Selepas lima hari, kami tidak menerima berita daripadanya. Namun saya terkejut apabila melihat gambar anak saya bersama seorang lagi rakyat Malaysia dipaparkan di laman web berita Kemboja.

"Tangannya bergari. Laporan itu menyebutkan dia ditahan polis tempatan kerana memiliki dadah," katanya.

Kathir berkata, selepas menerima pengesahan mengenai penahanan Kevin, dia bersama isterinya pergi ke Kemboja dengan bantuan Kedutaan Malaysia.

Katanya, ketika lawatan itulah anaknya memaklumkan dia ditahan pasukan polis di hadapan pintu sebuah bilik hotel selepas diminta pergi ke hotel itu menerusi satu pesanan ringkas.

"Berdasarkan kenyataannya, Kevin mendakwa menerima dua kilogram kokain yang disembunyikan dalam sebilik kek daripada seorang lelaki.

"Anak saya tidak mengenali lelaki itu, malah dia langsung tidak tahu dirinya terbahit dalam transaksi ber-

kenaan. Pesanan SMS itu meminta dia pergi ke bilik hotel untuk mengambil barang kemas milik kakak rakan wanitanya itu.

"Kevin didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara 25 tahun pada 28 Julai tahun lalu dan rayuan yang dikemukakan pada 9 Januari lalu ditolak mahkamah," katanya.

Sementara itu, Puspa yang tidak dapat menahan sebak setiap kali menyebut nama anak lelaki tunggalnya itu memohon pertolongan anaknya dapat dibawa pulang.

Katanya, hatinya hancur apabila mendengar tangisan Kevin yang merayu supaya segera dibebaskan dari neraka.

"Anak saya dianiaya, saya percaya dia tidak bersalah. Laporan polis dibuat namun setakat ini belum ada tindakan diambil terhadap rakan wanita yang menawarkan pakej pelancongan itu.

"Dia satu-satunya anak lelaki saya. Dia menjadi harapan kami sekeluarga. Saya memohon pertolongan daripada mana-mana pihak, tolonglah bawa pulang Kevin saya," katanya.